

RUMAH BUKIT DIBEKUKAN

Selangor dan Wilayah selaraskan tindakan

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan Selangor akan membekukan semua rancangan perumahan baru swasta yang tapaknya di atas bukit atau tanah tinggi sebagai langkah mengurangkan kemungkinan banjir kilat di negeri itu dan Wilayah Persekutuan.

Menteri Besar, Datuk Haji Ahmad Razali

Mohamad Ali berkata hari ini, kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek perumahan yang telah diluluskan juga akan ditangguhkan selagi pelan-pelan perparitannya tidak mengikuti kehendak Jabatan Parit Tallair dari segi pencegahan banjir kilat.

Berindak tegas

Datuk Ahmad Razali menyatakan ini dalam perjumpaan dengan pemberita yang disertai oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di akhir kalamat tertutup mengenai pen-

cegahan banjir di Kementerian Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Kerajaan Selangor juga akan memindahkan ke rumah-rumah panjang selinggan yang terletak dalam kawasan tebing sungai dan parti atau di kawasan lembah supaya tidak menghalang aliran dan kerja-kerja penyenggaraan saluran-saluran air.

Datuk Ahmad Razali berharap selinggan-selinggan di kawasan berkenaan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri merajutkan pemeliharaan semula mereka.

Beliau juga memberi jaminan akan berindak tegas terhadap pihak-pihak lain seperti pelombong-pelombong yang enggan bekerjasama mengurangkan kemungkinan banjir kilat di Selangor-Wilayah Persekutuan.

Katanya, Kerajaan Negeri sedar bahawa ia tidak dapat mengasingkan diri daripada turut bertanggungjawab bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha mencegah banjir kilat di Ibunegara.

Kerajaan Selangor menerima hakikat bahawa secara fiiahalnya Wilayah Persekutuan terletak di tengah-tengah negeri Selangor.

Dalam perbincangan hari ini, Kementerian itu dan Kerajaan Selangor bersetuju akan saling memberitahu satu sama lain tentang apa yang hendak dilakukan oleh mereka terutama dari segi pencegahan banjir.

Dalam hubungan ini, Pemangku Perdana Menteri mengarahkan supaya kedua pihak mewujudkan satu kaedah penyaluran tindakan masing-masing.



● **DATUK** Musa Hitam, Pemangku Perdana Menteri (kanan) sedang berbincang dengan Menteri Besar Selangor, Datuk Ahmad Razali mengenai cara pencegahan banjir di sekitar Ibukota dan di Negeri Selangor — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia